

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Bertulis

**DARIPADA** : Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala  
Krai]

**SOALAN** : Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala  
Krai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah  
langkah pihak Kementerian untuk  
meningkatkan hasil pengeluaran dalam  
sektor pertanian seperti penternakan, padi  
dan beras dan sebagainya supaya dapat  
memenuhi permintaan terutama pada musim  
perayaan serta memberi manfaat kepada  
rakyat dan meningkatkan hasil pendapatan  
negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan hasil pengeluaran dalam sektor pertanian agar dapat memenuhi permintaan terutamanya pada musim perayaan iaitu melalui pelaksanaan program-program pertanian di bawah RMKe-11 (2016 - 2020) seperti :

- i. Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
- ii. Projek Pembangunan Tanah Terbiar
- iii. Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan
- iv. Projek Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran dan Tanaman Kontan
- v. Projek Pembangunan Industri Tanaman Kelapa

Bagi meningkatkan hasil pengeluaran beras negara, kerajaan telah mengambil inisiatif iaitu :

- i. Membangunkan kawasan jelapang padi secara maksimum melalui pewujudan empat (4) Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) baru iaitu di Pekan, Rompin, Kota Belud dan Batang Lupar dengan jumlah keluasan kawasan penanaman seluas 25,905 hektar yang mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi negara; dan
- ii. Mempergiatkan pengeluaran padi jenis varieti *Specialty Rice* (MRQ 74 dan MRQ 76) dengan keluasan 2,910 hektar yang kini sedang diusahakan di bawah projek NKEA EPP#9 di luar kawasan jelapang. Projek ini dilihat telah menunjukkan perkembangan dan mempunyai potensi untuk diperluaskan tanamannya bagi tujuan eksport. Pada tahun 2015, kawasan yang terlibat bagi penanaman *Specialty Rice* ini dianggarkan seluas 1000 hektar dengan hasil pengeluaran sebanyak 2,500 metrik tan.

Selain itu, antara langkah yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan hasil pengeluaran dalam sektor penternakan adalah melalui program :

- i. NKEA EPP#2 (Peningkatan pengeluaran sarang burung walit);
- ii. NKEA EPP#5 (Penternakan lembu secara integrasi dengan perladangan sawit); dan
- iii. NKEA EPP#13 (Pembangunan kluster ladang tenusu di Malaysia).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR.MOHD HATTA BIN MD.RAMLI  
[KUALA KRAI]**

**SOALAN : 367**

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian dalam meningkatkan infrastruktur pengangkutan awam di seluruh negeri Kelantan.**

## **JAWAPAN**

Yang Berhormat,

Dalam usaha meningkatkan infrastruktur pengangkutan awam di Negeri Kelantan, Kerajaan telah meluluskan dua (2) projek utama untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) seperti yang berikut:

- a) Pembesaran dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan; dan
- b) Menaiktaraf dan Membaikpulih Infrastruktur Landasan Keretapi Pantai Timur (Mentakab-Gua Musang-Tumpat).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHARUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**SOALAN : 368**

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan maklum balas terhadap cadangan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) supaya semua agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengawal selia serta menguruskan para pengusaha pengangkutan awam diletakkan di bawah satu bumbung dan beroperasi secara berpusat.

## JAWAPAN

Yang Berhormat,

Untuk makluman, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) tidak pernah mencadangkan ataupun mengeluarkan kenyataan supaya semua agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengawal selia serta menguruskan para pengusaha pengangkutan awam diletakkan di bawah satu bumbung dan beroperasi secara berpusat.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada Laporan Panel Penasihat Bebas kepada YB Menteri Pengangkutan Malaysia berkaitan kemalangan bas di Genting Highlands yang telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri Malaysia pada 19 Februari 2014, panel penasihat tersebut telah mencadangkan supaya penubuhan Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia (MTSB) ditubuhkan sebagai satu pusat sehenti berkaitan keselamatan pengangkutan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan sedang memperhalusi cadangan penubuhan MTSB.